

29/09/1997

Darurat ditarik balik (HL)

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Ahad - Kerajaan hari ini menarik balik perisytiharan Darurat Jerebu yang dikuatkuasakan di Sarawak sejak 19 September lalu berikutan kualiti udara semakin melegakan dengan Indeks Pencemar Udara (API) turun kepada 85.

Penarikan balik itu juga bermakna semua jabatan kerajaan dan swasta, termasuk sekolah di seluruh negeri ini dibuka esok.

Surat penarikan balik perisytiharan darurat itu ditandatangani oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang diumumkannya sendiri oleh beliau pada jam 5.35 petang ini.

Anwar sebelum itu diberi taklimat oleh pihak berkuasa negeri, selain meninjau keadaan jerebu di sini yang beransur pulih dengan API turun kepada 85 pada jam 4 petang ini.

"Keputusan kita menarik balik perisytiharan darurat berkuatkuasa serta-merta. Ini bermakna semua perjalanan pejabat kerajaan, syarikat swasta dan sekolah dibuka seperti biasa.

"Bagaimanapun, masyarakat dinasihatkan mengikuti perkembangan API dan kedudukan jerebu dan mendengar maklumat tentang perkembangan selanjutnya.

"Kita mendoakan kepada Allah, mudah-mudahan langkah yang diambil dan operasi yang dijalankan sekarang dengan penyertaan berkesan dari pihak Indonesia dan beberapa negara lain akan dapat menjernihkan suasana secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian di sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), selepas menamatkan lawatan singkatnya ke sini.

Hadir sama itu ialah Timbalan-Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Dr George Chan Hong Nam dan Tan Sri Alfred Jabu; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN); Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; dan menteri kabinet negeri yang lain.

Sarawak diletakkan dalam keadaan Darurat Jerebu selepas bacaan API di negeri ini mencatat bacaan melebihi tahap berbahaya 500 API pada 19 September lalu.

Perisytiharan darurat bagi Sarawak ditandatangani oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengarah Gerakan negeri yang diumumkan oleh Pengerusi JPBBN, Mohamed, di Kuala Lumpur.

Pada malam sebelum perisytiharan itu, kerajaan mengeluarkan arahan semua sekolah di negeri ini ditutup berikutan bacaan API mencecah angka 400.

Keadaan di Sarawak menjadi lebih genting apabila mencatatkan rekod bacaan API tertinggi di negara ini iaitu 839 pada jam 11 pagi 23 September lalu, sebelum mula turun hingga keadaan kembali pulih.

Anwar juga mengingatkan rakyat mengambil langkah perlu, termasuk mengelakkan kegiatan luar seperti bersukan.

Katanya, penduduk juga harus terus menggunakan alat penutup mulut dan hidung, atau sekurang-kurangnya menggunakan tuala atau sapu tangan yang dibasahkan.

"Saya harap kita ambil perhatian perkara ini, pertama anak-anak sekolah agar dapat pergi ke sekolah, tetapi jangan tinggalkan topeng atau sapu tangan.

"Walaupun keadaan sudah melegakan, tetapi kita dan sektor swasta masih

perlu mengambil langkah berterusan untuk mengatasinya seperti penyemburan air dari bangunan tinggi," katanya.

Beliau menegaskan penyemburan air dari bangunan tinggi perlu diberi perhatian serius, kerana ia dapat membantu mengurangkan tekanan.

Mengenai khabar yang mengatakan ada halangan dalam usaha Bomba dan Penyelamat untuk ke Kalimantan bagi membantu negara jiran itu memadam kebakaran, Anwar berkata, memang ada sedikit kelewatan, namun pihak di sana sudah memberi 'lampu hijau' untuk pasukan negara masuk membantu.

Mengenai ketiadaan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud di negeri ini sepanjang darurat berkuatkuasa, Anwar berkata, beliau (Taib) akan tiba bila-bila masa sekarang dan menegaskan isu itu tidak timbul.

(END)